

15 APR 2001

Syed Hamid-Indonesia

HUBUNGAN DUA HALA TIDAK TERJEJAS SELAGI TIADA SOKONGAN RASMI

SUNGAI PETANI, 15 April (Bernama) -- Hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia tidak akan terjejas selagi tiada sokongan rasmi dari kerajaan Indonesia kepada gerakan reformasi di negara ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata kerajaan Indonesia telah menyatakan pendirian mereka untuk tidak mencampuri masalah dalaman negara ini dan Malaysia menerimanya.

"Kementerian Luar Indonesia menyatakan mereka tidak akan campurtangan masalah dalaman Malaysia. Itu sudah mencukupi untuk kita," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Sungai Petani di sini hari ini.

Beliau ditanya berhubung pendedahan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam bahawa kumpulan reformasi merancang membawa masuk rakyat Indonesia untuk menyertai demontrasi jalanan secara militan bagi menggugat keselamatan negara.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri dipetik sebagai berkata polis mempunyai maklumat mengenai hubungan kumpulan reformasi negara ini dengan golongan tertentu di Indonesia.

Syed Hamid berkata selagi tiada sokongan rasmi dan ada jaminan daripada mereka (kerajaan Indonesia) untuk tidak campurtangan, ia tidak patut menjejaskan hubungan dua hala kedua-dua negara.

"Apa yang kita ada bukti, kita akan kemukakan kepada kerajaan Indonesia untuk ambil tindakan. Ini pegangan dan prinsip kerjasama antara Asean.

"Tidak ada kumpulan tertentu di Indonesia yang mempunyai masalah dalaman tersendiri mahu campurtangan tetapi orang di negara ini ajak mereka dan tidak berjaya. Ini soal keselamatan dan kita akan memantau sebarang kemungkinan," katanya.

Sementara itu, Syed Hamid berkata kerajaan mendapati ada minat orang tertentu untuk mencari "scapegoats" apabila terjadi sesuatu perkara di dalam negara mereka.

Beliau diminta mengulas kenyataan sumber pasukan keselamatan Thailand seperti dilaporkan akhbar tempatan 10 April lepas yang mendakwa kumpulan pemisah yang bertanggungjawab teradap beberapa kejadian letupan bom di negara itu baru-baru ini telah mengadakan mesyuarat di Kuala Lumpur bagi merancang serangan berkenaan.

Sumber itu dipetik sebagai berkata perjumpaan di ibunegara itu diadakan pada Mac lalu sebelum kumpulan pemisah itu mengatur pakar-pakar bom ke salatan Thailand.

Konsul Besar Thailand di Pulau Pinang, Suwit Saicheua seperti dilaporkan akhbar tempatan pada 12 April lalu berkata Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra dijangka membincangkan kejadian letupan bom itu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatannya ke Malaysia hujung bulan ini.

Syed Hamid berkata kerajaan Malaysia secara jelas telah beberapa kali menyatakan tidak akan terlibat dengan mana-mana kumpulan pemisah.

"Hal perbezaan politik dan hal perselisihan faham adalah masalah dalaman sesebuah negara itu," katanya.

Beliau berkata Malaysia berpegang kepada prinsip untuk tidak memberi tempat latihan atau membenarkan negara digunakan untuk tujuan mana-mana kumpulan pemisah yang ingin mengganas di dalam negara mereka.

-- BERNAMA

MAN FAZ

